



**DASAR / GARIS PANDUAN  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

<b>PERKARA</b>	GARIS PANDUAN KRITERIA PEMBERIAN STIKER LETAK KERETA PERCUMA KEPADA ORANG KURANG UPAYA (OKU) – KRITERIA TAMBAHAN
<b>JABATAN</b>	KHIDMAT PENGURUSAN
<b>DILULUSKAN</b>	MESYUARAT MAJLIS PENUH KE 438 (8/2012) PADA 30 OGOS 2012
<b>DISAHKAN UNTUK DIGUNAPAKAI</b>	30 OGOS 2012
<b>NAMA</b>	HJH NORAZIAH BT HJ ABDUL AZIZ
<b>TANDA TANGAN</b>	
<b>TARIKH</b>	

## **PELEKAT MELETAK KERETA PERCUMA KEPADA ORANG KURANG UPAYA (OKU) DAN PENJAGA**

1. Dimaklumkan bahawa pelekak meletak kereta percuma OKU boleh dipohon di Tingkat 14, Jabatan Khidmat Pengurusan dan Kaunter Berpusat , Majlis Perbandaran Seberang Perai, Bandar Perda dengan mengisi borang permohonan dan mengemukakan :-
  - Salinan Kad OKU yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat
  - Salinan kad pengenalan
  - Salinan lesen memandu
  - Salinan geran kenderaan
  - Sekeping gambar passport
2. Kriteria tambahan pemberian pelekak meletak kereta percuma OKU iaitu pemberian kepada penjaga. Definisi penjaga ialah suami , isteri, anak, ibu, bapa, adik beradik seperti abang, adik, kakak dan sebagainya dengan syarat semua dokumen dapat dibuktikan betul. Syarat dokumen pertalian keluarga dapat dibuktikan melalui sijil nikah atau surat beranak. Salinan hak milik kereta juga hendaklah dibuktikan kepunyaan OKU atau keluarga tersebut.
3. Definisi penjaga diperluaskan asalkan penjaga tersebut dapat menunjukkan bukti bahawa beliau menjaga dan tinggal dengan OKU dengan syarat alamat penjaga hendaklah sama dengan alamat OKU.
4. Kemudahan ini diperluaskan kepada OKU seluruh negeri Pulau Pinang
5. Pemohon hanya layak menerima 1 pelekak sahaja. Jika pelekak hilang, denda sebanyak RM30.00 akan dikenakan terhadap pemohon yang ingin mendapatkan pelekak baru. Sehubungan itu, syarat sebelumnya di mana pemohon diminta mengemukakan salinan report polis adalah dibatalkan.
6. Tempoh sah penggunaan pelekak ini hanya 2 tahun sahaja.
7. Panduan mengawal petak meletak kereta dari disalahgunakan :-
  - Penguatkuasa akan mengunci tayar kereta sekiranya menyalahgunakan petak meletak kereta OKU tersebut. Nilai kunci tayar adalah sebanyak RM50.00.
  - Papan tanda makluman kunci tayar hendaklah dipacak berhampiran petak meletak kereta OKU sebagai pemberitahuan amaran sekiranya menyalahgunakan petak meletak kereta OKU.
  - Jabatan Perancang Bandar juga perlu mensyaratkan dalam pelan kelulusan merancang bahawa petak meletak kereta OKU mesti disediakan.

**Sumber :** Minit Mesyuarat Majlis Penuh Ke-438 (8/2012)  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

PADA : 30 OGOS 2012  
 MASA : 9.30 PAGI  
 TEMPAT : DEWAN KENANGA .MPSP

BIL	NAMA PEMOHON	HARGA TAWARAN (RM)	TEMPAT	JUM. GERAJ	JENIS PERNIAGAAN	KEPUTUSAN
	iii) Selepas maklumat diperolehi, perbincangan akan dibuat bersama pihak YB, Ahli Majlis kawasan dan peniaga yang terlibat serta penyewa kompleks.					

4.7.5 Selepas perbincangan, Majlis **bersetuju meluluskan** keputusan Mesyuarat Pengurusan Kompleks Tidak Aktif Majlis Perbandaran Seberang Perai yang diadakan pada 11 Mei 2012 berdasarkan kelulusan seperti di para 4.7.4 (1-5).

**Tindakan : Pengarah Pelesenan**

**4.8 KERTAS MESYUARAT BIL. 67/2012**

**Cadangan Mengemaskini Dasar Pelekat Meletak Kereta Percuma Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)**

- 4.8.1 Tujuan kertas ini adalah untuk mendapat kelulusan Majlis bagi mengemaskini dasar pelekat meletak kereta untuk Orang Kurang Upaya (OKU).
- 4.8.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan Bil. 10/2010 telah meluluskan Kertas Mesyuarat Bil. 105/2010 yang dibentangkan oleh Direktorat Penguatkuasaan bertajuk 'Cadangan Menyediakan Petak Letak Kereta Untuk Orang Kurang Upaya (OKU)'.
- 4.8.3 Dalam Kertas Mesyuarat Bil. 105/2010, Perkara 5.6.4 para iii. menyatakan bahawa MPSP akan menyediakan pelekat meletak kereta secara percuma kepada OKU. OKU hendaklah memohon untuk mendapatkan pelekat dengan mengemukakan kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan mempunyai lesen memandu yang sah.
- 4.8.4 Pelekat percuma dikeluarkan kepada kereta OKU dan kereta keluarga terdekat seperti suami atau isteri, ibu, bapa dan anak dengan syarat dokumen pertalian keluarga dapat dibuktikan melalui salinan sijil nikah atau surat beranak. Salinan hak milik kereta juga hendaklah dibuktikan kepunyaan OKU atau keluarga terdekat.
- 4.8.5 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan Bil. 4/2011 telah meluluskan Kertas Mesyuarat Bil. 43/2011 bertajuk 'Mengkaji Semula Kriteria Pemberian Stiker Letak Kereta Percuma Kepada Orang Kurang Upaya (OKU)'.

- 4.8.6 Kertas Mesyuarat Bil. 43/2011, Perkara 4.6.5 mengesyorkan kriteria tambahan pemberian pelekat meletak kereta percuma kepada penjaga OKU yang dibataskan kepada kes-kes seperti cacat penglihatan, lumpuh, kurang kecerdasan otak dan lain-lain ketidakupayaan yang memerlukan bantuan penjaga untuk menguruskan OKU.
- 4.8.7 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan Bil. 4/2011 juga memutuskan bahawa pelekat percuma diberikan kepada pemohon yang bekerja di Seberang Perai tetapi menetap di Pulau Pinang. Hanya satu (1) permohonan pelekat dibenarkan dan tempoh sah adalah selama 2 tahun.
- 4.8.8 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan Bil.10/2011 pada 15 November 2011 telah meluluskan klausa tambahan bagi pemberian pelekat meletak kereta percuma. Takrifan penjaga diperluaskan kepada adik beradik seperti abang, kakak dan sebagainya dengan syarat semua dokumen dapat dibuktikan betul manakala Tuan yang Dipertua mempunyai hak untuk mempertimbangkan mana-mana permohonan pelekat meletak kereta OKU yang difikirkan wajar diberi kelulusan.
- 4.8.9 Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengurus dan mengeluarkan pelekat meletak kereta percuma kepada OKU bermula 1 Januari 2011.
- 4.8.10 Jabatan menerima komen dan pandangan daripada pihak OKU yang menyuarakan bahawa kemudahan pelekat percuma OKU sepatutnya diperluaskan kepada semua OKU seluruh Negeri Pulau Pinang.
- 4.8.11 Pada 19 Jun 2012, pihak Jabatan telah mengadakan perbincangan dengan pihak yang menguruskan pelekat percuma OKU di MPPP. Berdasarkan perbincangan tersebut didapati terdapat tiga (3) perkara yang boleh diseragamkan oleh MPSP dan MPPP bagi memudahkan urusan pemberian pelekat meletak kereta percuma kepada OKU.
- 4.8.12 Merujuk kepada perkara 4.8.11 di atas, maka Jabatan mencadangkan supaya :
- (i) Kemudahan ini diperluaskan kepada OKU seluruh Negeri Pulau Pinang.
  - (ii) Jika pelekat hilang, denda sebanyak RM30.00 akan dikenakan terhadap pemohon yang ingin mendapatkan pelekat baru. Sehubungan itu, syarat sebelumnya di mana pemohon diminta mengemukakan salinan report polis adalah dibatalkan.
  - (iii) Definisi penjaga diperluaskan asalkan penjaga tersebut dapat menunjukkan bukti bahawa beliau menjaga dan tinggal dengan OKU dengan syarat alamat penjaga hendaklah sama dengan alamat OKU.
- 4.8.13 Majlis mencadangkan supaya Direktorat Penguatkuasaan tidak mengenakan kompaun kepada kenderaan yang mempunyai pelekat percuma OKU yang dikeluarkan oleh MPPP.

4.8.14 Ahli Majlis mencadangkan supaya membolehkan pelekat percuma OKU yang dikeluarkan oleh MPPP digunakan di Seberang Perai.

4.8.15 Selepas perbincangan, ~~Majlis bersefuiii meluluskan~~ cadangan mengemaskini dasar pelekat meletak kereta percuma untuk Orang Kurang Upaya (OKU) seperti di para 4.8.12 (i) hingga (iii) dengan klausa tambahan iaitu :

- i) ~~Diréktorat Penguatkuasaan tidak akan mengenakan kompaun kepada kenderaan yang mempunyai pelekat percuma OKU yang dikeluarkan oleh MPPP.~~

**Tindakan : Pengarah Khidmat Pengurusan**

#### 4.9 KERTAS MESYUARAT BIL. 68/2012

Permohonan Daripada Persatuan Buddhist Bukit Mertajam Untuk Membeli Bekas Tapak Tangki Najis MPSP Di Atas Lot 4045, 4061, 4074, 4087 & 4097, Mukim 11, Seberang Perai Tengah

---

4.9.1 Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pertimbangan dan perakuan Majlis mengenai permohonan daripada Persatuan Buddhist Bukit Mertajam untuk membeli bekas tapak tangki najis MPSP di atas Lot 4045, 4061, 4074, 4087 dan 4097, Mukim 11, di Taman Mutiara, SPT (gambarfoto dan pelan tapak disertakan di Lampiran B dan Lampiran C)

4.9.2 MPSP telah menerima permohonan daripada Persatuan Buddhist Bukit Mertajam melalui surat bertarikh 26 Jun 2012 (salinan surat permohonan disertakan di Lampiran D) telah memohon untuk membeli bekas tapak tangki najis MPSP di atas Lot 4045, 4061, 4074, 4087 dan 4097, Mukim 11, di Taman Mutiara, SPT. Keluasan keseluruhan tapak-tapak ialah 5,747 k.p.

4.9.3 Persatuan Buddhist Bukit Mertajam bercadang untuk membina bangunan serbaguna berkeluasan kira-kira 4,000 kaki persegi mengandungi dewan, bilik pejabat, bilik perpustakaan, bilik mesyuarat, ruang tetamu, dapur dan tandas bagi menjalankan aktiviti-aktiviti persatuan tersebut seperti:-

- (i) Perayaan dan upacara keagamaan;
- (ii) Kem latihan murid-murid;
- (iii) Kelas-kelas pengajian secara percuma untuk murid pada hari Ahad;
- (iv) Upacara mengangkat sumpah dan pendaftaran perkahwinan;
- (v) Memberi bantuan makanan dan wang kepada warga tua, golongan miskin, anak yatim piatu, golongan OKU dan pesakit-pesakit yang memerlukan;
- (vi) Program-program kesihatan, keselamatan dan pencinta alam seperti kempen derma darah, senaman pada setiap pagi, ceramah kesihatan dan lain-lain.